

Kezaliman di Terengganu

044 9 JUL 2002

Oleh RADHUAN HUSSEIN

KUCHING 8 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Kerajaan Pas Terengganu akan melakukan kezaliman jika membeza-bezakan hukuman antara pesalah beragama Islam dengan pesalah bukan beragama Islam walaupun kedua-duanya melakukan kesalahan yang sama.

Perdana Menteri memberi contoh adakah adil jika orang Islam dan bukan Islam yang terbabit dalam kes mencuri tetapi apabila dijatuhkan hukuman, tangan orang Islam dipotong sedangkan penjenayah bukan Islam hanya dipenjara.

Beliau berkata, jika Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Qisas dan Hudud) yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu dilaksanakan maka akan berlaku penganiayaan kerana ada pihak (umat Islam) menerima hukuman berat manakala pihak lain pula menerima hukuman ringan.

● Lagi komen mengenai hudud - Muka 4

“Kalau jenayah dilakukan, amat zalim satu pihak (orang Islam) dapat hukuman berat sedangkan pihak lain dapat hukuman ringan.

“Contohnya jika orang Islam dan bukan Islam berpakat untuk mencuri, tangan orang Islam dipotong sedangkan orang bukan Islam hanya dipenjara dua bulan, apakah ini adil?” soalnya.

Sementara itu, undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu petang ini setelah dibahas selama dua hari.

Begitu juga dalam kes rogol, Dr. Mahathir turut menekankan soal keadilan apabila seseorang wanita mendakwa dirogol tetapi tidak dapat membawa empat orang saksi sehingga dia dianggap bersalah kerana membuat kenyataan tidak benar.

Tegasnya, siapa mahu merogol kalau ada empat orang yang melihat.

“Kita tidak tolak undang-undang Tuhan, kita tidak tolak undang-undang Hudud. Yang kita tolak ialah hukuman politik parti Pas semata-mata,” katanya pada perasmian Bangunan MASJA milik Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak

■ Lihat muka 4

Kezaliman di Terengganu

(LAKMNS) di Petra Jaya di sini hari ini.

Bangunan yang menelan belanja kira-kira RM60 juta itu turut menempatkan beberapa premis komersial dan pejabat kerajaan.

Hadir sama adalah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta isteri, Puan Seri Laila Taib.

Semalam, Kerajaan Pas Terengganu telah membentangkan Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Qisas dan Hudud) di Dewan Undangan Negeri selepas tertangguh dua kali pada bulan April dan Jun lalu.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ketika membentangkan rang undang-undang itu berkata, pembentangan itu dibuat bagi memenuhi tuntutan rakyat.

Peruntukan rang undang-undang itu meliputi hukuman rejam sampai mati bagi kesalahan zina termasuk sumbang mahram dan potong tangan bagi kesalahan mencuri atau sariqah buat kali pertama dan potong kaki kiri bagi kesalahan kedua.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri dalam ucapannya itu juga turut hairan kenapa terdapat perbezaan tafsiran dan peruntukan mengenai undang-undang hudud bagi

Kelantan dan Terengganu. Beliau menjelaskan, jika mereka benar-benar ingin menegakkan hukum Allah, tidak mungkin ada perbezaan undang-undang antara dua negeri yang diperintah oleh Pas itu.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menegaskan bahawa hukum hudud yang dibentangkan oleh Pas itu sebenarnya adalah undang-undang ciptaan mereka sendiri atas kepentingan politik dan bukannya undang-undang Allah.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan Pas jelas telah merombak dan meminda undang-undang sedia ada sedangkan undang-undang ciptaan Allah tidak boleh diubah sama sekali.

“Takkanlah undang-undang Allah boleh dirombak oleh manusia dan diperbetulkan sedangkan undang-undang Tuhan hanya satu. Ini menunjukkan undang-undang yang dikemukakan mereka bukan hukum hudud, bukan undang-undang Tuhan tapi undang-undang ciptaan mereka atas kepentingan politik mereka,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya berkata, Kerajaan Pas Terengganu sanggup meminda undang-undang sedia ada setelah melihat usaha mereka selama ini mendapat tentang-

an hebat dan kemungkinan kehilangan sokongan dan undi rakyat termasuk orang bukan Islam.

“Ini menunjukkan undang-undang manusia, manusia boleh pinda undang-undang manusia tapi tak boleh pinda undang-undang ciptaan Tuhan,” tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, Kerajaan Negeri Terengganu itu juga menggunakan undang-undang atau hukum hudud itu hanya untuk menimbulkan rasa serba salah bagi Kerajaan Pusat.

Ini kerana, jelasnya, mereka mengetahui Kerajaan Pusat tidak akan meluluskan undang-undang yang mereka inginkan menyebabkan mereka bertindak menuduh kerajaan Barisan Nasional (BN) menolak undang-undang Allah.

Tegasnya, kerajaan pusat tidak akan mencipta undang-undang yang menganiaya rakyat kerana negara ini mempunyai penduduk pelbagai kaum dan agama.

Perdana Menteri turut memberi jaminan kepada seluruh rakyat negara ini termasuk bukan Islam bahawa kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa bertindak adil dan toleransi.